MATEMATIK BAB 10

Credit to @Icebearrawrr



Proses pengurusan kewangan

1. Pengurusan kewangan merujuk kepada suatu **proses perancangan masa hadapan** untuk memenuhi **matlamat kewangan peribadi** melalui perancangan dan pengurusan kewangan secara menyeluruh dan kukuh.
2. Pengurusan kewangan merangkumi **pengurusan aliran tunai, simpanan, kredit, pelaburan dan perlindungan**.
3. Antara **kepentingan pengurusan kewangan** :
   - Mengetahui kedudukan kewangan semasa
   - Mengelakkan perbelanjaan berlebihan
   - Mengelakkan hutang yang tidak terurus
   - Berupaya menghadapi kecemasan seperti kemalangan, isu perubatan, penyakit atau hilang pekerjaan.



PROSES PENGURUSAN KEWANGAN

Pertama

Menetapkan matlamat kewangan

Kedua

Menilai kedudukan kewangan

Ketiga

Mewujudkan pelan kewangan

Keempat

Melaksanakan pelan kewangan

Kelima

Mengkaji semula dan menyemak kemajuan

Menetapkan matlamat kewangan

01

Jangka pendek

- ➔ < satu tahun
- ➔ Cth : pembelian pakaian sukan, basikal

02

Jangka sederhana

- ➔ Antara 1 - 5 tahun
- ➔ Cth : pembelian komputer, telefon pintar

03

Jangka panjang

- ➔ > 5 tahun
- ➔ Cth : simpanan untuk persaraan, pendidikan anak

KONSEP SMART

Menilai kedudukan kewangan

- Kedudukan kewangan dinilai berdasarkan **aset** yang dimiliki dan **liabiliti** yang ditanggung.
- **Aset** ~ Wang tunai, Simpanan, Saham syarikat atau Pelaburan hartanah
- **Liabiliti** ~ Semua jenis pinjaman, hutang kad kredit, bil utiliti dan Sewa rumah

Mewujudkan pelan kewangan

01

Pendapatan Aktif

Pendapatan utama seperti gaji, elaun dan komisen

02

Pendapatan Pasif

Pendapatan sampingan seperti faedah, sewa yang diterima dan dividen

03

Perbelanjaan tetap

Perbelanjaan yang mesti dibayar seperti ansuran rumah dan insurans

04

Perbelanjaan tidak tetap

Perbelanjaan yang berubah setiap bulan seperti barangan dapur dan bil utiliti

★ Aliran tunai positif = jumlah pendapatan > jumlah perbelanjaan

★ Aliran tunai negatif = jumlah pendapatan < jumlah perbelanjaan

@ICEBEARRAWRR

Melaksanakan pelan kewangan

- Semasa melaksanakan pelan kewangan, seseorang individu haruslah
  - Mengikut pelan kewangan yang telah dirancang
  - Bersedia membuat perubahan terhadap perbelanjaan sebenar supaya mengikut perbelanjaan yang dirancang bagi mendapatkan aliran tunai poitif
- Pelan kewangan hanya akan berjaya jika dilaksanakan dengan disiplin, sabar dan fleksibel.

MENGKAJI SEMULA DAN MENYEMAK KEMAJUAN

1. Semak kemajuan pelaksanaan pelan kewangan yang dirancang dari semasa ke semasa bagi memastikan aliran tunai sentiasa positif.
2. Jika terdapat aliran tunai negatif :
   - Semak semula perbelanjaan sebenar
   - Elakkan daripada menggunakan dana kecemasan kecuali terpaksa
   - Kurangkan perbelanjaan tidak tetap seperti hiburan.
3. Ubah matlamat kewangan jika matlamat itu tidak realistik dengan pendapatann bulanan .